

TARIKH : 2 JUN 2022  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 20

## Inflasi Meningkat 2.5 Peratus: DOSM

**Bernama**  
Kuala Lumpur

**Bisnes**



TENJAUAN aktiviti penjualan barangan keperluan di sekitar Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/ FARIZ ISWADI ISMAIL

**LAPORAN ANALISIS IHP TAHUNAN 2021**

# INFLASI MENINGKAT 2.5 PERATUS: DOSM

**Sebanyak 184 item makanan catat kenaikan pada 2021**

Inflasi Malaysia pada 2021 meningkat 2.5 peratus yang didorong oleh kenaikan harga makanan dan bahan api, demikian Menteri Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, sebanyak 184 item makanan daripada keseluruhan 552 item dalam 'bakul' Indeks Harga Pengguna (IHP) mencatatkan kenaikan.

Beliau berkata, peningkatan itu juga lebih tinggi berbanding 0.7 peratus yang direkodkan sebelum pandemik pada 2019.

"Pandemik Covid-19 memberi kesan kepada kehidupan seharian masyarakat. Bagaimanapun, usaha kerajaan dalam melaksanakan pemberian vaksin pertama kepada rakyat membantu memulihkan keyakinan perniagaan dan seterusnya meningkatkan keyakinan pengguna untuk keluar berbelanja.

"Selain itu, kebenaran rentas negeri dan semua sektor ekonomi telah dibuka semula bermula 11 Oktober 2021. Ini menyumbang kepada pemulihan ekonomi negara terutama dalam sektor pengedaran dan peruncitan," katanya dalam kenyataan sempena laporan Analisis IHP Tahunan 2021.

Ia merangkumi analisis terperinci terhadap data inflasi bagi siri masa 2010 hingga 2021 mengikut 12 kumpulan utama barang dan perkhidmatan.

Secara keseluruhannya, kenaikan inflasi 2.5 peratus disumbangkan oleh indeks pengangkutan (11.0 peratus); makanan dan minuman (1.7 peratus); hiasan-perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah (1.6 peratus) dan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (1.5 peratus) yang menyumbang 72.0 peratus kepada keseluruhan wajaran IHP.

Mohd Uzir berkata, sebanyak 80.0 peratus komponen makanan dan minuman dalam kumpulan makanan dan minuman mencatatkan peningkatan.

"Peningkatan harga komoditi global memberi kesan kepada inflasi makanan. Peningkatan harga ayam yang melebihi purata harga ayam pada 2020 adalah impak daripada kenaikan harga stok makanan haiwan," katanya.

Mohd Uzir berkata, kekurangan bekalan import, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 dan 3.0 serta penutupan sempadan negara adalah antara faktor yang mempengaruhi turun-naik harga di pasaran tempatan.

Mengenai inflasi pengangkutan, Mohd Uzir berkata, peningkatan dua digit (11.0 peratus) adalah disebabkan kesan asas penetapan harga siling petrol RON95 (RM2.05 seliter) dan diesel (RM2.15 seliter) sejak Mac 2021.

Selain itu, penamatan diskaun bil elektrik bulanan yang diberikan kepada pengguna domestik di bawah Pakj Perindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulihan) selama tiga bulan dan berakhir pada September 2021 turut memberi tekanan kepada kenaikan inflasi negara bagi 2021.

Mengikut negeri, tujuh negeri menunjukkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional 2.5 peratus dengan peningkatan tertinggi oleh Terengganu (3.4 peratus).

Peningkatan ini terutama disebabkan oleh kenaikan harga ayam, telur, minyak masak dan ikan, dan makanan laut pada 2021 berbanding tahun sebelumnya.

**Dr Mohd Uzir Mahidin**

Peningkatan harga komoditi global memberi kesan kepada inflasi makanan. Peningkatan harga ayam yang melebihi purata harga ayam pada 2020 adalah impak daripada kenaikan harga stok makanan haiwan"